



SIARAN MEDIA

“RUNHACK: SCAM ALERT! 2023”

KUALA LUMPUR, 3 Disember 2023 – CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama Synapze Sdn Bhd serta sokongan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) hari ini menganjurkan program ‘**RUNHACK: SCAM ALERT! 2023**’ bertempat di perkarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Pelepasan acara larian disempurnakan oleh YB Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi dan Digital.

Program berkonsepkan larian santai sejauh lima (5) kilometer ini merupakan salah satu inisiatif dalam usaha mendidik dan menyampaikan mesej-mesej mengenai jenayah penipuan kewangan dan scam kepada orang ramai. Ia turut menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran mengenai modus operandi pelbagai jenis scam termasuk mempelajari tips pencegahan bagi mengelak daripada menjadi mangsa scam.

‘RUNHACK: SCAM ALERT! 2023’ menyasarkan 1,000 pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat termasuk 500 penyertaan larian berkeluarga dan kanak-kanak (umur 12 ke bawah). Para peserta yang berjaya menamatkan larian menerima pingat larian, jersi ‘RUNHACK’ (dewasa sahaja), beg bertali serta pek makanan ringan.

Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia, Dato’ Ts. Dr. Haji Amirudin bin Abdul Wahab FASc berkata “acara ini merupakan satu pendekatan yang kreatif dalam usaha memberi kesedaran kepada orang ramai tentang jenayah penipuan kewangan serta ancaman *scam*. Malah, usaha mendidik masyarakat tentang jenayah ini harus diteruskan, dipergiat dan diperluaskan agar lebih ramai rakyat Malaysia memiliki ilmu, memahami dan menyedari akan langkah-langkah pencegahan yang perlu dilaksanakan agar tidak terjerumus menjadi mangsa penipuan kewangan dan *scam*.”

Para acara tersebut, para peserta larian melalui beberapa '*checkpoint*', di mana mereka diminta untuk melakukan aktiviti bagi menguji tahap kesedaran serta kefahaman tentang isu-isu berkaitan penipuan kewangan dan scam. Terdapat juga ruang karnival yang menyediakan pelbagai acara menarik di reruai yang terdiri dari juadah makanan dan minuman, hiburan (pentas utama) serta pameran dari agensi-agensi kerajaan seperti CyberSecurity Malaysia, PDRM, rakan strategik seperti F-Secure, VentureGrab.com, AquaSel serta reruai foto untuk pengunjung melakukan swafoto.

Antara inisiatif pihak penganjur yang turut menjadikan larian kali ini lebih inklusif ialah dengan penyertaan sekumpulan anak-anak kurang upaya (OKU) dari Little Fighters Runner yang hadir bersama ibu bapa mereka memeriahkan suasana. Anak-anak Little Fighters Runner ini mengalami pelbagai penyakit antaranya autisme, kanser, jantung kronik, Cerebral Palsy dan sindrom Prader-Willi (PWF).

Dikeluarkan bersama oleh:

Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia

Synapze Sdn Bhd